

## **Sosiologi Dalam Filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) Arahan Mamat Khalid**

**Sociology in *Werewolf from Bangladesh's* Film (2015) Directed By Mamat Khalid**

Suraidah Ambok Mangkek  
Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu,  
Pusat Penyelidikan Bitara Melayu,  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence : Suraidah Ambok Mangkek (suraidahambok94@gmail.com)  
Nur Afifah Vanitha Abdullah ([nurafifah@ukm.edu.my](mailto:nurafifah@ukm.edu.my))

### **ABSTRAK**

*Filem Werewolf Dari Bangladesh (2015) arahan Mamat Khalid mengisahkan tentang serangan serigala jadian di negara Bangladesh telah menular ke negara Malaysia. Beliau telah mengangkat warga Bangladesh sebagai watak utama dalam file ini. Sehubungan itu, dengan menggunakan pendekatan sosiologi yang dipeloporkan oleh Hippolyte Taine (1828), kajian ini bertujuan menjawab persoalan, apakah kritikan-kritikan sosial yang disampaikan oleh pengarah dalam filem ini dengan mengangkat watak warga Bangladesh sebagai watak utama? Penelitian fundamental digunakan bagi menjawab persoalan tersebut, analisis kandungan dipilih sebagai instrumen kajian utama untuk memperoleh data daripada filem, artikel, jurnal, surat khabar, internet dan kajian lepas. Pemerhatian turut dilakukan terhadap penontonan filem *Werewolf Dari Bangladesh (2015)*. Kertas kerja ini merakamkan dapatan kajian bahawa terdapat banyak aspek kritikan sosial yang diselitkan dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh (2015)* dari sudut isu sosial, ekonomi dan juga politik. Pengarah mengangkat watak warga Bangladesh sebagai watak utama didorong oleh pemerhatian pengarah terhadap kebanjiran pekerja warga asing ke negara Malaysia. Sinikal beliau seperti perspektif masyarakat terhadap pekerja warga asing, percaya terhadap amalan-amalan khurafat, lambakan pekerja warga asing, budaya dalam aktiviti perniagaan, isu pendatang asing tanpa izin (PATI) dan sebagainya adalah sebagai sebuah mesej kepada masyarakat. Seterusnya, aspek-aspek nilai juga turut diselitkan dalam penceritaan filem tersebut agar dijadikan sebagai teladan dan pengajaran agar masyarakat lebih berdaya saing.*

**Kata Kunci:** kritikan filem, filem Melayu, Mamat Khalid, Pendekatan Sosiologi, kritikan sosial.

### **ABSTRACT**

*Werewolf From Bangladesh (2015) directed by Mamat Khalid is a screenplay that unfolds a story of a werewolf attack at Bangladesh that had spread to Malaysia. In this film Mamat has portrayed a Bangladesh young man as its main character. This study has applied the sociological approach by Hippolyte Taine (1828) to answer 'what are the social criticism the director intends in this film by portraying a Bangladesh as its main character? The research design of this study is based on a fundamental research, with content analysis as its main research instrument. Data for this study was obtained from film, article, journal, newspaper, internet and previous studies. Observations were carried out on viewing the *Werewolf Bangladesh film (2015)*. This study proofs that this film portrays many social criticism by the director, especially in the aspects of social, economy and political issues*

*in regard to the existence and increasing number of Bangladesh workforce in Malaysia. Through this film Mamat criticizes the Malay community's perspective on foreign workers, superstitious practices, increasing number of foreign workers, business culture among Malays, and the issues of illegal immigrants (PATI). Aspects on value was also portrayed in this film to serve as an example for the Malay community to be more competitive.*

**Keywords:** *film criticism, Malay movie, Mamat Khalid, sociological approach, social criticism.*

## 1. Pengenalan

Filem secara umumnya merupakan “cermin budaya” kepada masyarakat yang menghasilkannya. Menurut Naim Haji Ahmad (1995), filem dihasilkan oleh karyawan yang mewakili masyarakatnya dan dipaparkan kepada masyarakat melalui isi naratif dan kinematik untuk dilihat, dibaca, ditafsirkan dan dikaji oleh orang lain. Kritikan sosial merujuk kepada penilaian atau pengajian keadaan masyarakat pada satu-satu masa. Dalam kritikan sosial, penilaian, perbandingan dan pengungkapan mengenai suatu masyarakat adalah tiga aspek yang diambil kira. Nilai pula merupakan suatu perkara yang boleh dijadikan sebagai pedoman serta prinsip dalam ikutan untuk bertindak dan tingkah laku.

Dalam hal ini, kebanyakan filem Melayu pada hari ini banyak menampilkan ciri-ciri kemewahan dan kekayaan sehingga lupa akan permasalahan-permasalahan sektor sosial, ekonomi dan politik yang sedang dihadapi di negara ini. Hal ini kerana, watak yang ditonjolkan kebanyakannya lahir dari golongan korporat serta mempunyai rumah dan kereta mewah. Pandangan S.M Zakir (2010) mengenai filem Melayu ialah filem serta drama Melayu sekarang banyak dipengaruhi oleh filem-filem Bollywood yang mengaburkan penonton di seluruh dunia dengan kemewahan yang dipaparkan.

Selain itu, terdapat juga lambakan filem-filem yang diadaptasikan dari novel-novel popular. Sebagai contoh *Ombak Rindu*, *Suamiku Encik Sotong*, *Adam dan Hawa*, dan banyak lagi. Namun, hal ini bukanlah suatu permasalahan yang dihadapi, yang menjadi isu permasalahannya disini apabila isu-isu yang ditonjolkan atau persoalan-persoalan yang ingin disampaikan kepada masyarakat merupakan isu dan persoalan yang sangat *cliche* yakni isu dan persoalan tentang percintaan, konflik kekeluargaan serta penyajian watak serta latar belakang watak yang hidup dengan kemewahan dan sebagainya namun tiada kritikan sosial yang ingin disampaikan kepada masyarakat sebagai pengajaran yang harus diambil iktibar.

Hal ini berlainan pula dengan pengarah filem Melayu komedi iaitu Mamat Khalid yang mengambil berat tentang masalah-masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Mamat Khalid merupakan antara pengarah filem Melayu di Malaysia yang mengarah filem Melayu bergenre komedi namun sarat dengan kritikan sosial dan penerapan nilai dalam inti pati penceritaan karyanya. Melalui karya-karya filem arahan beliau sebelum ini, dilihat Mamat Khalid cukup peka dengan latar sosial. Kebanyakan filem arahan beliau banyak mengisahkan tentang masyarakat kampung dan juga berlatarbelakangkan tempat masyarakat kampung Melayu. Sebagai contoh, filem *Zombi Kampung Pisang* (2007), *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010), *Estet* (2010) dan *Zombi Kilang Biskut* (2014).

Filem komedi *Lang Buana* adalah filem pertama arahan beliau pada tahun 2003. Filem tersebut dibintangi oleh kumpulan Senario sebagai watak utama di bawah terbitan Grand Brilliance. Filem tersebut berlatar suasana pada abad ke-19 yakni zaman feudal di negeri Perak. Filem *Lang Buana* mengisahkan tentang tiga sahabat yang merupakan hamba abdi kepada Orang Kaya. Filem *Lang Buana* dianggap sebagai filem klasik terawal yang diangkat oleh Mamat Khalid pada milineum kedua ini. Filem tersebut mula mempamerkan

genre dan persembahan Mamat Khalid dalam pengarah filem. Filem pertama Mamat Khalid ini mengangkat tema perpaduan kaum dan rakyat menentang pencerobohan musuh. Pada akhir penceritaan filem tersebut, Mamat Khalid memperlihatkan betapa mulia, bijak dan sopan tuanku sultan dibandingkan dengan Residen British yang sombong dan licik yang sentiasa menggunakan Orang Kaya untuk tujuan memperdayakan orang-orang Melayu.

Mamat Khalid lebih banyak menyajikan filem-filem berlatarkan kampung Melayu namun berlainan pula dengan filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Pengarah filem tersebut telah melakukan sedikit kelainan dan pembaharuan apabila beliau telah mengangkat warga asing sebagai watak utama dalam penceritaan filem tersebut dan berlatarkan tempat di bandar. Permasalahannya di sini ialah adakah isu atau permasalahan sosial yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat masih dijadikan sebagai kritikan-kritikan sosial yang ingin dilontarkan oleh pengarah itu sendiri. Selain itu, adakah kritikan-kritikan tersebut merupakan sinikal pengarah yang ingin ditunjukkan kepada masyarakat Melayu atau warga asing di negara ini. Oleh itu, kertas kerja ini adalah ingin mengupas kritikan sosial dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) arahan Mamat Khalid dengan pengaplikasian pendekatan sosiologi.

Kertas kerja ini mengaplikasikan pendekatan sosiologi bagi memperoleh jawapan kepada segala persoalan. Oleh itu, terdapat tiga objektif yang telah disusun bagi melaksanakan kertas kerja ini iaitu pertama menghuraikan latar belakang pengarah filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Yang kedua, menganalisis aspek kritikan sosial dari sudut isu sosial, isu ekonomi dan isu politik yang terdapat dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Objektif yang terakhir adalah mengenal pasti aspek nilai yang terdapat dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015).

## 2. Sorotan Literatur

Penelitian lepas tentang filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) masih terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan kajian teori sosiologi bagi meneliti filem-filem Melayu agak memberangsangkan. Terdapat sepuluh kajian lepas merangkumi filem, drama, seni lukis kartun, novel dan cerpen yang mengaplikasikan teori sosiologi.

Kajian oleh Al-Fatihah Md.Adnan dan Normaliza Abd Rahim (2014), merupakan kajian yang telah dibukukan sebagai makalah mengenai “Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu *Zombi Kampung pisang*”. Perbincangan adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* (2007) arahan Mamat Khalid dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Berdasarkan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan dan menganalisis data, hasil perbincangan menunjukkan bahawa terdapat kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem tersebut seperti gejala rempit dalam kalangan masyarakat, golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, kelunturan semangat patriotik dan golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu.

Penelitian selanjutnya bertajuk “Kritikan Masyarakat Dan Mesej Dalam Filem-filem Arahan P .Ramlee Di Studio Jalan Ampas, Singapura” oleh Putri Lily Suriana Baharudin (1995). Kajian yang dilakukan bertujuan untuk meneliti unsur-unsur kritikan masyarakat yang dilontarkan oleh Allahyarham Tan Sri P .Ramlee dalam karya filemnya. Pengkaji telah menjurus kepada tiga perspektif utama iaitu perspektif sosial, politik dan ekonomi berlandaskan pendekatan sosiologi sastera. Penelitian yang menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pemerhatian dan temubual ini telah mengesahkan bahawa filem-filem arahan P .Ramlee memaparkan realiti sebenar masyarakat di zamannya dan dipengaruhi oleh

pengalaman dan latar belakang pengarah. Tambahan lagi, pengkaji merumuskan bahawa karya filem P .Ramlee turut memuatkan kritikan dan mesej yang membina masyarakat selain berfungsi sebagai alat hiburan.

Kajian seterusnya yang bertajuk “Kritikan Sosial, Politik Dan Ekonomi Dalam Karya-karya Kartunis Lat” oleh Razali Bin Kasim (1991). Kajian yang dilakukan bertujuan melihat kritikan ke atas sistem sosial, politik dan ekonomi yang dipaparkan oleh Lat melalui karyanya iaitu *Entahlah Mak* (1985), *Lat With a Punch* (1988) dan *Mat Som* (1990). Kajian ke atas seni lukis kartun ini telah menggunakan pendekatan sosiologi sastera serta kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah penyelidikan, temubual dan kaedah rakaman. Dapatan kajian mengesahkan bahawa ketiga-tiga karya Lat tersebut merupakan karya kritik yang cukup tajam. Ketiga-tiga karya membicarakan tentang masalah sosial, politik dan ekonomi. Dari segi teorinya, Lat pemikiran tentang karya yang mempunyai kebenaran. Tambahan lagi, kepincangan yang berlaku dalam masyarakatnya, pada pandangan Lat adalah perlu diprotes dengan harapan akan mendapat maklum balas daripada semua pihak serta inisiatif untuk membaiki segala kepincangan yang berlaku.

Di samping itu, terdapat juga penelitian terhadap kritikan sosial dalam drama oleh Suraidah Othman (2010) yang bertajuk “Kritikan Sosial Dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasurudin”. Penelitian yang dibuat adalah membicarakan tentang kritikan sosial yang dilontarkan oleh Mohamed Ghouse melalui drama-drama beliau yang telah diterbitkan dalam Dewan Sastera antara tahun 1980-an hingga tahun 2006. Kajian telah mengaplikasikan pendekatan dan prinsip sosiologi sastera dan menggunakan kaedah analisis teks dan wawancara. Dalam hal ini, pengkaji menjelaskan bahawa berdasarkan analisis yang telah dibuat didapati drama-drama yang dihasilkan oleh Mohamed Ghouse sememangnya sarat dengan kritikan sosial melalui sindiran tajam terhadap masyarakat terutamanya kepada para pemimpin atau ahli politik. Pergolakan aspek sosial yang ketara dipaparkan oleh pengarang telah merujuk kepada perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikuti sistem sosial yang normal menyebabkan perubahan nilai yang positif kepada negatif.

Selain filem, seni lukis kartun dan drama, terdapat juga pengkajian yang menggunakan pendekatan sosiologi ke atas genre sastera yang lain seperti novel dan cerpen. Kajian “Trilogi *Busa: Analisis Sosiologi*” oleh Sayaidatina Binti Ab. Majid (2004). Perbincangan tersebut adalah bertujuan melihat persoalan kemasyarakatan yang digarap oleh Arena Wati dalam novel-novelnya. Perbincangan telah memfokuskan kepada tiga buah novel iaitu *Busa Hati*, *Busa Sukma* dan *Busa Kalbu* yang telah diterbitkan pada tahun 2002. Analisis berdasarkan perspektif sosiologi menerangkan ketiga-tiga aspek sosiologi iaitu sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya, hasil perbincangan mendapati bahawa karya tersebut banyak mengemukakan persoalan kemasyarakatan seperti kekeluargaan, pendidikan, perbezaan darjat, politik, etnik, rasuah, kemiskinan dan sebagainya.

Seterusnya, “Novel *Tulang-tulang Berserakan Dan Tugu: Satu Perbandingan Dari Sudut Sosiologi*” oleh S. Sivanandam A/L Subramaniam (2000). Kajian tentang dua buah novel dilihat secara perbincangan berlandaskan pendekatan sosiologi dengan kaedah kualitatif yang merangkumi penelitian perpustakaan dan pengolahan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua novel ini mempunyai keunikan kerana menggambarkan latar belakang darurat yang jarang-jarang dibicarakan oleh penulis muda sekarang. Kedua-dua novel tersebut juga sarat dengan gambaran masyarakat yang cukup sinonim dengan penderitaan, perpisahan, cinta yang terputus serta kemiskinan yang tidak mungkin dapat diungkap dengan begitu mudah. Lebih istimewa kerana gambaran kehidupan polis dalam novel *Tulang-tulang Berserakan* dan tentera dalam novel *Tugu* membuka ruang untuk masyarakat menyelami kehidupan mereka dengan lebih dekat lagi. Kedua-dua novel tersebut

telah memperlihatkan satu rakaman sejarah yang cukup bermakna bagi masyarakat dan generasi akan datang.

Ishamul Bukhari Bin Seman (2015) dengan tajuk kajiannya “Masyarakat Murut Dalam *Mariga*: Analisis Sosiologi”. Penelitian yang dilakukan terhadap novel *Mariga* karya Amil Jaya yang diterbitkan pada tahun 2013 ini telah mengaplikasikan perspektif sosiologi dan kajian perpustakaan sepenuhnya untuk mendapatkan dapatan analisis. Tiga aspek utama pengkajian ke atas novel tersebut mencakupi sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Berdasarkan kajian didapati novel *Mariga* banyak mengangkat persoalan sosiobudaya masyarakat, istiadat perkahwinan, kelahiran dan kematian, adat nganyau dan juga upacara minum tuak khususnya dalam menyambut tetamu. Daripada perspektif sosiopolitik pula, novel tersebut mengangkat persoalan penjajahan dan semangat nasionalisme, kepimpinan kampung dan pertentangan dalam masyarakat. Dari sudut sosioekonomi pula karya memperlihatkan sistem ekonomi masyarakat Murut seperti bertani dan memburu binatang, juga dikemukakan sistem perniagaan yang dibawa oleh Barat. Keseluruhannya, novel *Mariga* mengolah kehidupan masyarakat Murut di Sabah khususnya semasa penjajahan Inggeris.

Perbincangan seterusnya adalah terhadap cerpen. “Kumpulan Cerpen *Jalan Lain Ke Syurga* Karya Hasan Ali: Satu Analisis Sosiologi” telah dilaksanakan oleh Noor Adila Binti Jafar (2007). Perbincangan yang dibuat bertujuan melihat dan memahami keadaan sebenar sesebuah masyarakat pada dekad 50-an hingga dekad 80-an dan persekitarannya. Di samping itu, perbincangan ini juga untuk mengetahui nilai hidup, sikap dan tingkah laku masyarakat yang digambarkan oleh Hasan Ali. Bagi mencapai tujuan tersebut kaedah kajian yang digunakan ialah analisis isi dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Sebanyak sembilan belas buah cerpen telah dianalisis yang terkandung dalam kumpulan cerpen tersebut. Hasil kajian mendapati pelbagai isu masyarakat telah diangkat pengarang seperti isu kemiskinan, perpaduan kaum, nasionalisme, kemaksiatan yang merupakan gambaran masyarakat yang tidak pernah selesai sejak dahulu hingga sekarang.

Kajian “Pengarang, Karya Dan Realiti Masyarakat: Satu Analisis Terhadap Cerpen-cerpen Siow Siew Sing” oleh Sim Choy Ming (1995) merupakan satu penelitian yang berujuan untuk melihat ketokohan dan kepengarangan seorang penulis keturunan Cina dalam menghasilkan karya cerpen dalam bidang kesusasteraan Melayu. Bagi mendapatkan analisis, kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan menganalisis data telah dilakukan serta menggunakan pendekatan sosiologi. Hasil dapatan penelitian menunjukkan bahawa dalam cerpen-cerpen nukilan Siow Siew Sing mencerminkan realiti masyarakat yang sebenar. Persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah berdasarkan keadaan realiti nyata terutamanya penyentuhan tentang sosiobudaya masyarakat Cina. Di samping itu, pengalaman pengarang yang pelbagai dari luar negeri juga telah digambarkan dengan jelas dalam cerpen-cerpen beliau.

Perbincangan terhadap genre cerpen diteruskan oleh Yuslaihah Binti Yunus (2000) yang bertajuk “Kumpulan Cerpen *Hati Muda Bulan Muda* (1954-1992) Karya A. Samad Said: Analisis Sosiologi”. Kajian tersebut bertujuan untuk membincangkan mengenai ketrampilan A. Samad Said sebagai pengarang cerpen Melayu yang sukar ditandingi. Perbincangan ini berlandaskan perspektif sosiologi dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya. Dapatan analisis perbincangan menunjukkan bahawa pengaplikasian ketiga-tiga aspek dalam pendekatan sosiologi itu memperlihatkan adanya hubungan erat antara sastera dan masyarakat. Di samping itu, realiti masyarakat dahulu yang diingkari oleh pelbagai status, kaum dan zaman juga turut tersingkap. Karya-karya A. Samad Said dapat digolongkan sebagai menggambarkan masyarakat Singapura kerana latar belakang dirinya banyak mempengaruhi penghasilan karya-karya beliau.

Kajian yang telah dilakukan lebih cenderung ke arah genre novel dan cerpen berbanding genre filem Melayu terutamanya filem Melayu arahan Mamat Khalid. Memandangkan terdapat kelompangan dalam bidang ini, maka kertas kerja ini cuba untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti filem Melayu dari sudut fungsinya dalam penyerapan aspek kritikan sosial yang digarap oleh pengarah filem berlandaskan pendekatan sosiologi.

### 3. Metodologi

Kertas kerja ini berbentuk fundamental iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis kandungan data tersebut. Oleh hal sedemikian, pengkaji telah menonton beberapa buah filem hasil arahan Mamat Khalid yang merupakan seorang pengarah filem, penulis lakon layar, penyunting filem dan juga merupakan seorang pelakon. Seterusnya, Mamat Khalid telah menghasilkan banyak filem dan filem *Lang Buana* (2003) merupakan filem pertama arahan beliau. Antara beberapa filem lain yang telah beliau arahkan ialah filem *Rock* (2005), *Zombi Kampung Pisang* (2007), *Kala Malam Bulan Mengambang* (2008), *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010), *Rock Ooo* (2013), *Zombi Kilang Biskut* (2014), *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) dan banyak lagi. Walaupun, terdapat banyak filem yang diarahkan namun pengkaji telah membataskan kertas kerja ini terhadap sebuah filem sahaja arahan Mamat Khalid iaitu filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015).

Sebelum analisis kandungan dilakukan, kaedah pemerhatian turut dijalankan. Kaedah pemerhatian merupakan alternatif yang ada dalam pengumpulan maklumat. Pemerhatian memerlukan pengkaji menonton sendiri filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Kaedah ini membolehkan pengkaji lebih memahami dan mengetahui jalan penceritaan serta inti pati kandungan dalam filem tersebut. Melalui kaedah pemerhatian, dapat dilihat bahawa terdapat banyak sinikal pengarah yang membawa isu permasalahan yang sedang melanda dalam kalangan masyarakat hari ini.

Kaedah kajian keperpustakaan turut dilaksanakan iaitu melibatkan proses pengumpulan sumber atau bahan rujukan primer dan juga sekunder. Bahan tersebut adalah yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan sama ada dalam bentuk tesis, majalah, jurnal, buku, akhbar, filem, internet dan sebagainya untuk dijadikan sebagai sumber rujukan bagi menyokong hujah yang akan dipersembahkan. Selain itu, pendekatan sosiologi juga diaplikasikan dan dijadikan sebagai landasan bagi mendapatkan analisis sekali gus menjawab persoalan objektif kertas kerja ini.

Bagi tujuan menganalisis kritikan sosial dalam filem Mamat Khalid ini agar sesuai dengan objektif dan permasalahan dalam kertas kerja ini, maka kerangka teori yang bersesuaian diperlukan sebagai panduan dalam melaksanakan penyelidikan ini. Dari sudut sejarah pendekatan sosiologi, sosiologi sastera pada mulanya telah diperkenalkan sejak sebelum masihi lagi. Plato dalam bukunya yang berjudul *Republic* telah menyoal mengenai kedudukan sastera dalam kehidupan manusia. Plato berpendapat bahawa segala yang ada di dunia hanyalah merupakan tiruan daripada kenyataan tertinggi yang berada di dunia. Para ahli pengkaji kesusasteraan telah bersetuju bahawa Hippolyte Taine adalah 'Bapa Sosiologi Sastera', seorang rakyat Perancis (1766-1817). Menurut pendapat Taine, sastera adalah akibat daripada tiga unsur penting; masa (moment), bangsa (race) dan alam sekeliling (milieu) dan seterusnya telah disokong dan dituruti oleh Marx dan Engels (Hamzah Hamdani, 1988). Seiring dengan falsafah dalam pendekatan ini adalah seperti untuk melahirkan masyarakat berbudaya, peka pada perubahan dan mempunyai usaha untuk ke arah pembinaan tamadun baru.

Penggunaan pendekatan sosiologi bermula apabila Edmund Wilson yang telah menggunakan pendekatan ini sejak abad ke-18 lagi untuk mengkaji epik Homer dari sudut kemasyarakatannya. Percubaan Edmund Wilson pada masa itu tidak begitu mendalam namun pada era tersebut kritikan dikenali sebagai pendekatan sosiologi dan sastera. Hal ini kerana, kajian-kajian yang telah dilakukan adalah berfokus kepada melihat isu kemasyarakatan dan sastera dilihat sebagai dokumen sosial. Walau bagaimanapun, pada abad ke-19 dan abad ke-20 adalah zaman pendekatan sosiologi kerana pendekatan yang melihat sastera dengan kaca mata telah menjadi popular. Pada peringkat ini, pendekatan sosiologi terhasil apabila berlaku kemasukan teori-teori sosial seperti kehadiran teori H. Taine dan teori Marxist.

Seterusnya, pendekatan tersebut berkembang apabila berlaku penambahan analisis kepada aspek pengarang dan juga membicarakan aspek kesan dan pengaruh timbal balik antara pengarang-masyarakat-teks-khalayak. Pendekatan ini juga adalah lanjutan daripada pendekatan sejarah kerana pendekatan sosiologi menuntut pengkaji menyusuri unsur-unsur di luar karya yang menjadi perhitungan seperti latar belakang pengarang, fungsi kesusasteraan terhadap masyarakat dan etika sosial dari sudut ekonomi, pendidikan, budaya dan politik. Hal ini telah dibuktikan dengan pendapat tokoh R. Escarpit (1967), yang melihat dari segi penghasilan karya terutama kedudukan sosial penulis, asal-usul atau latar belakang seseorang sebelum menjadi penulis begitu penting dalam melahirkan karya (Umar Junus, 1979).

Pendekatan ini memegang andaian bahawa sastera tidak lahir dengan kekosongan sosial. Karya yang dihasilkan mesti mengandungi keterangan atau informasi tentang masyarakat dan jika perlu menjadi suatu dokumentasi masyarakat. Orientasi pengarang tertumpu kepada peristiwa yang berlaku di hadapan mata dan menggambarkannya dengan tepat. Penyelewengan dapat merosakkan mutu dan dianggap sebagai suatu penderhakaan sastera (Mana Sikana, 1998).

Menurut Mana Sikana, pendekatan sosiologi merupakan lanjutan pendekatan historikal. Hal ini kerana, unsur-unsur luaran karya seperti latar belakang pengarang, fungsi kesusasteraan terhadap masyarakat, etika sosial, ekonomi, pendidikan, budaya dan politik dibincangkan bersama-sama dengan unsur dalaman seperti plot, watak dan bahasa. Dua konsep tersebut adalah konsep intrinsik dan ekstrinsik menjadi prinsip asas pendekatan tersebut yang berkembang dengan pesat di seluruh Eropah dan kemudiannya mempengaruhi ke Asia hingga ke Malaysia dalam abad ke-20 (Mana Sikana, 1998).

Pendekatan sosiologi terus berkembang dalam bidang kesusasteraan di negara Malaysia. Antara penulis tanah air yang menggunakan pendekatan sosiologi ini ialah Kassim Ahmad yang muncul sebagai penulis zaman tahun 50-an yakni pada era Asas 50 bergiat aktif menggunakan sastera sebagai alat perjuangan. Kassim Ahmad memilih konsep kritikan dalam penulisannya bagi mendorong perkembangan penulisan dan sastera ke arah perubahan yang radikal. Kassim Ahmad berpendapat bahawa teori kritikan yang sesuai seperti pendekatan sosiologi adalah pendekatan yang mampu menghurai dan menggambarkan realiti masyarakat. Beliau juga menyarankan supaya penulis menggunakan tulisan realisme dan melakukan kritikan realisme. Tambahan lagi, pengkritik hendaklah menggunakan gaya realisme sosialis dan menunjukkan perkembangan masyarakat ke arah revolusi yang akan melahirkan sistem sosialis (Mana Sikana, 2006).

Berdasarkan tinjauan terhadap filem-filem arahan Mamat Khalid, didapati bahawa beliau sering memaparkan kisah-kisah masyarakat. Hal ini kerana, sastera dan sosiologi mempunyai hubungan yang erat. Sastera menjadi cermin masyarakat, cermin budaya dan cermin sejarah yang merupakan medium untuk mendokumentasikan persoalan dan isu sosial. Sosiologi pula memperlihatkan tema-tema fenomena masyarakat secara berkesan kerana pendekatan ini sememangnya menggambarkan kehidupan dan pergolakan dalam masyarakat.

Dalam penyelidikan kertas kerja ini, pendekatan sosiologi digunakan untuk menganalisis data atau kandungan.

Dalam penyelidikan ini, untuk menganalisis bahan kajian yang telah dikhususkan bagi mendapatkan dapatan analisis dengan menggunakan pendekatan sosiologi, langkah-langkah yang dilakukan adalah yang pertama menghuraikan latar belakang pengarah. Aspek yang dikaji ialah riwayat hidup pengarang termasuklah tempat lahir, sosialisasi, pendidikan, alam sekitar, status sosial, nilai-nilai kehidupan dan sebagainya. Tidak dinafikan bahawa semuanya itu merupakan keterangan-keterangan yang berharga karya yang dicipta. Diri pengarah harus difahami, kerana dorongan-dorongan itu selalunya timbul oleh pendidikan atau alam sekitar (Mana Sikana, 1998).

Menurut Mana Sikana (1998), langkah kedua dalam mengaplikasikan teori sosiologi adalah dengan menganalisis isu sosial yang terdapat dalam karya. Karya yang dibaca mengikut teori ini tidak terlepas daripada isu sosial daripada perkara yang besar sehinggalah perkara yang kecil. Hal ini termasuklah isu situasi masyarakat yang moden, maju, mundur atau kuno. Menggambarkan masyarakat desa atau kota dengan segala macam aktiviti. Di sinilah juga pendekatan ini membincangkan protes sosial dan segala anjakan kemasyarakatan, termasuklah rinci-rinci perjuangan dan pengorbanan untuk melahirkan sebuah masyarakat bertamadun.

Langkah yang seterusnya adalah dengan meneliti aspek nilai, iaitu teks atau karya yang dihasilkan oleh seseorang pengarang atau pengarah itu dinilai dalam konteks sosialnya. Seperti nilai teks dalam konteks pencerminan, aspek teks sebagai dokumentasi sosial dan juga melihat unsur-unsur protes sosialnya. Pengkaji perlu membuat penilaian aspek isu sosial yang dibawakan oleh sesebuah teks atau karya sastera itu. Isu-isu sosial yang dibawakan oleh pengarang biasanya mencitrakan norma-norma hidup atau tatacara hidup yang dialami oleh manusia (Mana Sikana, 1998).

Merujuk kepada konsep pendekatan sosiologi, terdapat tiga konsep iaitu teks sebagai dokumentasi sosial, protes sosial dan realisme sosialis. Walau bagaimanapun, konsep teks sebagai dokumentasi sosial adalah sesuai merujuk kepada filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) sebagai dokumentasi sosial yang menunjukkan realiti sikap, perlakuan dan apa-apa sahaja yang melibatkan masyarakat mengikut peredaran zaman. Di samping itu, filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) juga sarat dengan kritikan sosial yang bertujuan memberi kesedaran agar masyarakat melakukan perubahan agar dapat membina sebuah tamadun yang maju dari pelbagai aspek.

Natijahnya, pendekatan sosiologi telah berkembang di Barat dan tokoh awalnya adalah Hyppolyte Taine. Pendekatan ini adalah satu ilmu yang mengkaji karya sastera secara saintifik, mempelajari secara objektif tentang manusia dalam masyarakat, institusi dan proses sosial serta bagaimana ianya dikukuhkan. Sastera dan sosiologi adalah dua bidang yang berlainan namun saling melengkapi antara satu sama lain. Hal sedemikian kerana, sosiologi adalah suatu alat pengukur tahap ketamadunan sesuatu masyarakat manakala sastera pula adalah usaha untuk mencipta kembali dunia sosial, hubungan manusia dengan keluarga, lingkungan, politik dan sebagainya.

#### **4. Dapatan Dan Perbincangan**

##### **4.1 Dapatan 1**

Mamat Khalid merupakan salah seorang pengarah filem Melayu di Malaysia. Kepengarahan beliau terkenal dengan karya filem dalam bentuk genre komedi. Antara filem-filem arahan



Mamat Khalid ialah *Lang Buana* (2003), *Zombi Kampung Pisang* (2007), *Hantu Kak Limah Balik Rumah* (2010), *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) dan sebagainya. Filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) adalah salah satu filem beliau yang begitu sinikal. Filem ini mengangkat tema subjek serigala jadian (werewolf) yang belum pernah diketengahkan dalam mana-mana filem Melayu sebelum ini. Walau bagaimanapun, di sebalik kelainan yang diterapkan oleh Mamat Khalid dalam filem tersebut, beliau masih lagi tetap dengan acuan kepengarahannya yang sebenar. Setiap hasil karya beliau tidak lepas dengan paparan visual mengenai senario kehidupan masyarakat hari ini terutamanya dalam kalangan masyarakat Melayu.

Hasil penelitian menunjukkan bahawa kepengarahan Mamat Khalid dalam menghasilkan karya filem sememangnya telah dipengaruhi oleh sosialisasi, status sosial dan nilai-nilai kehidupan yang sedang berlaku telah memberi inspirasi kepada beliau untuk menjadi seorang sutradara filem Melayu komedi di Malaysia. Daripada menjadi seorang penjawat awam sehinggalah seorang pengarah filem dalam industri perfileman Malaysia, Mamat Khalid telah berjaya menghasilkan karya filem tempatan yang mencitrakan kehidupan masyarakat negara Malaysia terutamanya masyarakat Melayu itu sendiri. Perkara-perkara tersebut yang mempengaruhi beliau dalam karya filem secara tidak langsung telah menjadikan stail kepengarahannya berbeza dengan pengarah-pengarah filem yang lain. Filem-filem arahan Mamat Khalid yang dilihat disampaikan dalam bentuk komedi, penceritaan yang disampaikan bukan hanya sebagai hiburan semata-mata dan kosong tetapi penceritaannya sarat dengan mesej, pengajaran serta kritikan sosial yang ingin disampaikan oleh beliau (Utusan Online, 2014).

Penggunaan loghat bahasa dalam filem beliau juga berbeza dengan filem-filem arahan pengarah yang lain. Hal ini kerana, Mamat Khalid gemar menggunakan dialek negeri Perak dalam kebanyakan filem arahan beliau kerana beliau adalah anak jati negeri Perak. Oleh itu, beliau senang untuk menggunakan dialek tersebut yang sentiasa istimewa dalam jiwa dan dirinya. Mamat Khalid menggunakan loghat negeri Perak dalam kebanyakan filemnya kerana beliau ingin mengangkat dan mengekalkan elemen kenegeriannya dan beliau berpendapat bahawa elemen-elemen seperti itu merupakan suatu keunikan budaya yang pelbagai yang terdapat di Malaysia.

Selain pemerhatian dan juga pengalaman dalam mencetuskan idea dan sumber ilham dalam menghasilkan karya filem, pengarah kelahiran negeri Perak ini berpendapat bahawa hobi juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber dalam mencari sumber ilham untuk mengarahkan sesebuah filem. Antaranya ialah, aktiviti membaca buku. Hal sedemikian kerana, beliau berpendapat bahawa selain layar perak, muka surat buku juga mampu membawa seseorang itu masuk ke dalam dunia 'magis' dan imaginasi yang menarik. Oleh itu, apa yang dirasa dan digambarkan oleh Mamat Khalid ketika membaca buku telah dijadikan sebagai idea dan ilham dalam penghasilan sesebuah karya di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan (Utusan Online: 2014. 05 Januari).

Federico Fellini dan Akira Kurosawa, kedua-duanya merupakan pengarah filem dari negara luar. Kedua-dua pengarah tersebut merupakan sumber inspirasi oleh Mamat Khalid dalam menghasilkan sesebuah karya filem. Federico Fellini merupakan salah seorang pengarah filem di negara Itali dan Akira Kurosawa adalah seorang pengarah terkenal di negara Jepun. Federico Fellini merupakan pengarah yang gemar memaparkan isu permasalahan dan penceritaan masyarakat yang disampaikan dengan penerapan unsur-unsur satira manakalan Akira Kurosawa pula pengarah filem di negara Jepun lebih cenderung ke arah penghasilan filem yang bercorak epik. Mamat Khalid telah menjadikan dua orang pengarah tersebut sebagai idola beliau dalam mencetus idea dan kreativiti ketika menghasilkan karya filemnya serta memberi inspirasi pada dirinya.

Gaya pengarahan pengarah dari negeri Perak ini amat gemar menggunakan loghat dari negeri kelahirannya. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa filem arahan beliau. Antaranya ialah filem *Zombi Kampung Pisang* (2007) yang menggunakan loghat dari Utara begitu menonjol melalui watak Usop yang dilakonkan oleh Shy8. Beliau gemar dan bangga dengan penggunaan loghat negeri kelahirannya kerana bagi beliau secara tidak langsung penggunaan loghat ini dalam skrip filem dapat memperkenalkan budaya yang pelbagai yang ada di Malaysia. Setiap bahasa ada keunikannya yang tersendiri.

Seterusnya, filem-filem arahan beliau sering juga terdapat unsur-unsur satira yang diketengahkan disebalik unsur komedi yang digarapnya. Hal sedemikian kerana, pengarah ingin masyarakat sedar dan peka terhadap isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling. Isu kritikan tersebut juga bertujuan untuk mengkritik masyarakat Melayu terutamanya agar dapat menjadikan masyarakat yang lebih berinovasi, berdaya saing dan punya matlamat dalam kehidupan. Hal sedemikian kerana, Mamat Khalid gemar mengambil gambaran kehidupan masyarakat hari ini serta pemikiran dan mentaliti masyarakat terutamanya masyarakat Melayu sebagai unsur satira untuk dijadikan subjek kritikan sosial yang ingin disampaikan oleh beliau melalui karya-karya filem.

Tambahan lagi, unsur satira yang dipersembahkan oleh pengarah Mamat Khalid ini bukan sahaja menyentuh mengenai isu-isu sosial semasa yang berlaku dalam kalangan masyarakat, bahkan permasalahan yang melanda dalam industri hiburan juga dijadikan sebagai subjek unsur satira dalam filem arahan beliau. Unsur satira ini dapat dilihat dalam filem *Lang Buana* (2003). Selain itu, stail kepengarahan Mamat Khalid dilihat gemar menyelitkan unsur-unsur budaya dan juga sejarah sebagai intipati penceritaan serta tema dalam beberapa buah filem yang telah beliau hasilkan. Sebagai contoh, melalui filem *Lang Buana* (2003) yang berlatarkan masa zaman klasik dimana negara Malaysia dijajah oleh negara Barat. Hal ini telah membuktikan bahawa nilai-nilai kehidupan telah mempengaruhi beliau dalam mengarahkan sebuah filem yang punya estetikanya yang tersendiri.

Bicara tentang unsur satira sebagai suatu kritikan sosial yang dilakukan oleh Mamat Khalid, tidak dinafikan bahawa hampir kesemua karya filem beliau diterapkan dengan stail sebegini. Melalui filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) dengan mengangkat subjek serigala jadian (werewolf) adalah menunjukkan bahawa sosialisasi dalam masyarakat telah mempengaruhi pengarah untuk berkarya apabila beliau telah menekankan bahawa betapa pentingnya media massa dalam konteks kehidupan dan proses sesuatu masyarakat. Selain itu, perbezaan status sosial antara warga asing yang berhijrah ke negara ini dan juga masyarakat setempat telah menimbulkan suatu inspirasi kepada pengarah dengan mengangkat warga asing tersebut sebagai watak utama. Selain daripada aspek kritikan yang menjadi mauduk utama pengarah dalam karya filem, pengarah juga tidak lari untuk menerapkan nilai-nilai kehidupan masyarakat dalam penceritaan karya filem tersebut. Secara umumnya, latar belakang Mamat Khalid dan pengalaman beliau merupakan faktor yang terpenting dalam menganalisis karya-karya filem arahan beliau. Hal ini kerana, karya filem yang dianalisis menerusi pendekatan masyarakat ini akan mengaitkan pengalaman hidup pengarah tersebut dan melihat sejauh mana seseorang pengarah itu mementingkan masyarakat sekitarnya.

## 4.2 *Dapatan 2*

Dapatan 2 dalam kertas kerja ini membincangkan objektif kedua iaitu menganalisis aspek kritikan sosial dari sudut isu sosial, isu ekonomi dan isu politik yang terdapat dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Setelah analisis dilakukan, mendapati bahawa terdapat isu sosial, isu ekonomi dan juga isu politik yang merupakan aspek kritikan sosial yang dipaparkan oleh sutradara Mamat Khalid dalam karya filem

tersebut. Hal ini membuktikan bahawa stail Mamat Khalid dengan menyelitkan aspek kritikan sosial sebagai unsur satira dalam karya-karya beliau dan disampaikan dalam bentuk genre komedi. Seterusnya, kepengarahan Mamat Khalid dalam berkarya dengan mengemukakan permasalahan pemikiran masyarakat Melayu terutamanya telah menceminkan kehidupan masyarakat yang sebenar di negara ini.

Dari sudut aspek sosial, terbahagi kepada dua iaitu stigma isu sosial dalam masyarakat Melayu. Antara isu sosial yang telah dianalisis adalah perspektif masyarakat Melayu terhadap pekerja warga asing, sikap pemalas dalam kalangan masyarakat, masyarakat yang gemar berfantasi, percaya terhadap amalan-amalan khurafat, masyarakat yang suka membuli, penerimaan atau layanan terhadap pekerja warga asing dan kebanjiran pekerja warga asing di negara Malaysia. Sebanyak tujuh isu sosial dari sudut pandangannya dalam kalangan masyarakat Melayu. Isu sosial tersebut bukan sahaja isu sosial yang baru sahaja melanda dalam kalangan segelintir masyarakat Melayu bahkan ianya sudah lama dikaitkan dengan *attitude* masyarakat. Sebagai contoh, sikap pemalas dalam kalangan masyarakat. Hal ini bukan sahaja telah dikritik oleh Mamat Khalid, bahkan wujud *Mitos Melayu Pemalas* yang dikarang oleh Raja Ali Haji. Sikap pemalas segelintir masyarakat Melayu terutamanya yang gemar memilih bidang pekerjaan telah menyebabkan majikan atau pihak pengurusan lebih senang mengambil warga asing sebagai pekerja mereka.

Seterusnya, antara isu sosial yang diperoleh dalam stigma isu sosial dalam kalangan warga asing pula adalah budaya berpimpinan tangan. Kritikan sosial ini merupakan sinikal pengarah terhadap segelintir masyarakat yang memandang serong terhadap budaya tersebut. Pengarah mengkritik sikap masyarakat yang dilemparkan terhadap budaya warga Bangladesh ini yang dijadikan sebagai bahan jenaka lalu melabelkan mereka dengan konotasi negatif. Walau bagaimanapun, Mamat Khalid ingin memberitahu supaya masyarakat tidak bersikap sedemikian kerana masyarakat sendiri tidak faham dengan budaya mereka lalu serkap jarang dan memberikan tanggapan yang buruk terhadap mereka.

Aspek ekonomi dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) pula mengenai budaya masyarakat dalam aktiviti perniagaan yang melibatkan masyarakat Melayu dan masyarakat Cina. Melalui aspek ekonomi ini, Mamat Khalid mengkritik budaya segelintir masyarakat Melayu yang gemar menggunakan taktik yang tidak elok untuk melariskan perniagaan mereka sedangkan masyarakat Cina pula, pengarah menampilkan watak yang berusaha keras untuk melariskan perniagaan mereka. Hal ini menunjukkan konotasi yang sangat berbeza dalam aktiviti perniagaan. Secara umumnya, Mamat Khalid ingin menyedarkan masyarakat Melayu agar terus berusaha berdaya saing dengan cara yang betul. Pengharapan pengarah melalui kritikan sosial ini juga agar dapat memajukan ekonomi masyarakat Melayu di samping dapat menyumbang kepada ekonomi negara.

Selain aspek sosial dan ekonomi, terdapat juga aspek politik yang digarapkan oleh pengarah dalam filem tersebut. Isu pendatang asing tanpa izin (PATI) ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan'. Isu PATI yang berlaku di negara ini merupakan isu nasional yang melibatkan kedua-dua buah negara tersebut. Isu ini juga menuntut hubungan diplomatik dua hala antara kedua-dua negara dalam membentuk suatu mekanisma bagi mengekang isu tersebut serta mewujudkan sistem penawaran pekerja asing yang sistematik. Pendekatan menerusi hubungan diplomatik ini juga boleh mewujudkan situasi menang-menang di antara negara Malaysia dan juga negara pendatang.

Sinikal beliau bukan sahaja digarapkan melalui penceritaan dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) ini malahan karya-karya filem beliau yang lain juga diadakan dengan stail atau acuan yang sama. Hal sedemikian kerana, karya Mamat Khalid bukan sekadar hiburan semata-mata atau hiburan yang tiada hala tuju tetapi jika dilihat dari sudut positif karya-karya beliau mengandungi isi atau inti pati cerita. Isi dan inti pati tersebut pula

disampaikan dalam bentuk genre komedi agar penonton tidak bosan dan secara tidak langsung tidak mengguris hati dan perasaan mana-mana pihak. Sutradara Mamat Khalid ingin penonton dan juga masyarakat sentiasa cakna terhadap isu-isu semasa yang sedang berlaku disekeliling. Selain itu, pengarah itu juga ingin masyarakat terutamanya masyarakat Melayu agar memperbaiki mentaliti supaya sentiasa kreatif dan berinovasi, tidaklah duduk dalam kelompok yang biasa dan selesa sahaja.

### 4.3 *Dapatan 3*

Dapatan 3 ini mengenai objektif ketiga yang dirangka dalam kertas kerja ini iaitu mengenal pasti aspek nilai yang terdapat dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Setelah penelitian dilakukan, mendapati bahawa terdapat banyak nilai yang diselitkan oleh Mamat Khalid dalam filem tersebut dari pelbagai aspek iaitu aspek sosial, aspek ekonomi, politik dan juga aspek budaya.

Dari sudut aspek sosial, terdapat sembilan nilai sosial yang telah dianalisis antaranya nilai kerja keras dan rajin mencari sumber rezeki, sikap rendah diri dan berpijak di bumi nyata, nilai hormat dan sikap berperikemanusiaan, tolong menolong antara satu sama lain, sikap majikan terhadap pekerja, nilai kejujuran, tidak mudah putus asa, menghargai jasa orang lain dan terakhir nilai sentiasa bersangka baik. Sebagai contoh, nilai sikap rajin dan kerja keras dalam mencari sumber rezeki dapat dilihat melalui watak warga Bangladesh yang digarap oleh pengarah Mamat Khalid dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Hal sedemikian kerana, antara faktor kepada lambakan pekerja warga asing di negara Malaysia adalah disebabkan sikap mereka yang rajin dan kuat bekerja tanpa memilih bidang pekerjaan dan sanggup bekerja di bawah terikan matahari seharian demi mencari sumber rezeki yang halal.

Seterusnya, dari sudut aspek ekonomi pula, dapatan analisis mendapati bahawa nilai sara hidup sendiri dan bersungguh-sungguh merupakan nilai kehidupan yang diterapkan oleh Mamat Khalid dalam filem tersebut. Kedatangan serta lambakan pekerja warga asing ke negara Malaysia dilihat telah memberi kesan sama ada positif mahupun negatif terhadap ekonomi negara namun nilai sara hidup sendiri dan bersungguh-sungguh dalam mencari sumber pendapatan dalam kalangan pekerja warga asing ini harus diambil sebagai teladan. Kesungguhan pekerja warga asing dalam mencari sumber rezeki serta menyara hidup di negara asing adalah suatu nilai yang perlu dicontohi. Nilai kerajinan pekerja warga asing ini dalam meningkatkan ekonomi mereka perlulah diambil sebagai contoh dan sekali gus dapat memberi persaingan dan cabaran kepada golongan pekerja tempatan.

Nilai menjaga nama baik negara merupakan nilai dalam aspek politik yang diketengahkan oleh Mamat Khalid. Perbincangan nilai ini adalah merujuk kepada nilai nasionalisme dan nilai patriotisme. Rasa cinta kepada tanah air dan bangsa, mematuhi dan mentaati peraturan negara, menjaga nama baik bangsa dan negara dan sebagainya adalah merupakan mekanisme yang merangkumi nilai tersebut. Melalui nilai menjaga nama baik negara yang ditonjolkan melalui filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) tersebut bukan sahaja untuk dinilai oleh pekerja warga asing yang bekerja di negara orang namun harus dipraktikkan oleh masyarakat negara Malaysia sendiri agar negara Malaysia mampu mencapai kejayaan yang lebih besar oleh rakyat Malaysia yang berada di luar negara yang sentiasa menjaga nama baik dan imej negara (Utusan Online, 2013).

Selain nilai dari sudut aspek sosial, ekonomi dan juga politik, aspek budaya juga turut digarap oleh Mamat Khalid. Masyarakat Melayu sememangnya sudah terkenal dengan budaya sopan santun. Sopan santun dapat didefinisikan sebagai tingkah laku yang baik, baik budi bahasa serta dengan hormatnya, budi pekerti yang baik, budaya ketimuran yang lemah

lembut dan sebagainya (prpm.dbp.gov.my). Namun, nilai budaya ini dilihat semakin terhakis dalam diri segelintir masyarakat Melayu pada hari ini terutamanya anak-anak muda. Contohnya, kata-kata kesat yang dilontar kepada ibu bapa sendiri sehingga menguris hati mereka adalah bukan budaya masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, Mamat Khalid telah menerapkan nilai sopan santun terhadap yang lebih tua ini melalui watak utama dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Jika seseorang individu menggunakan bahasa yang lemah lembut, teratur, jelas, sopan santun dan sebagainya maka jelas mencerminkan individu tersebut adalah seorang yang berbudi bahasa dan sebaliknya.

Isu-isu sosial yang disampaikan secara sinikal oleh Mamat Khalid sememangnya mempunyai nilai-nilai yang ingin disampaikan oleh beliau supaya golongan masyarakat dan juga penonton mengambil dan menjadikan nilai-nilai tersebut sebagai pedoman dan juga pengajaran dalam sistem hidup bermasyarakat. Filem yang sarat dengan nilai-nilai yang merangkumi aspek sosial, politik, ekonomi dan budaya yang boleh dijadikan sebagai ukur dalam kehidupan bermasyarakat yang berbilang kaum dan agama agar hubungan persaudaraan terjalin tanpa mengira batasan kaum, bangsa, warna kulit dan agama.

## 5. Rumusan

Berdasarkan pengaplikasian pendekatan sosiologi, latar belakang Mamat Khalid yang merupakan pengarah filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) telah dianalisis telah membuktikan bahawa sosialisasi, status sosial dan nilai-nilai kehidupan juga boleh mempengaruhi kepengarahannya dalam mengarahkan sesebuah karya filem. Mamat Khalid mula melibatkan diri dalam bidang perfileman setelah beliau terlibat dalam bidang penerbitan rancangan televisyen. Filem komedi *Lang Buana* yang diterbitkan pada tahun 2003 merupakan filem pertama arahan beliau. Penghasilan filem tersebut sedikit sebanyak telah mendorong Mamat Khalid untuk terus bertahan dalam industri perfileman di Malaysia sehingga telah mengarahkan hampir 17 buah filem. Pengarah anak jati kelahiran negeri Perak ini senang menggunakan pendekatan genre komedi dalam setiap filem arahan beliau. Hal ini kerana, Mamat Khalid bukan sahaja ingin menghasilkan filem sebagai hiburan semata-mata namun beliau ingin menjadikan filem sebagai medium untuk menyampaikan mesej, pengajaran serta kritikan sosial yang ditujukan kepada masyarakat agar masyarakat pada hari ini lebih peka terhadap isu atau permasalahan yang berlaku di sekeliling.

Mamat Khalid telah mengarah hampir 17 buah karya filem dan kesemua filem arahan beliau adalah berkonsepkan dan bertemakan kemasyarakatan. Filem yang disampaikan dalam bentuk jenaka atau komedi ini bukanlah sebuah karya filem hiburan semata-mata namun setiap filem beliau diselitkan dengan pelbagai kritikan-kritikan sosial yang ingin disampaikan oleh pengarah untuk penonton berfikir dan menjadikannya sebagai iktibar. Sebagai contoh, filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015), filem ini mengandungi banyak sinikal pengarah walaupun jalan penceritaannya adalah hanya fantasi semata-mata. Penciptaan watak warga asing sebagai watak utama dalam filem tersebut sebenarnya berkaitan dengan isu sosial yang sedang berlaku dalam kehidupan dan juga di sekeliling masyarakat pada hari ini.

Stail beliau ini bukan sahaja diterapkan dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) sahaja, bahkan hampir kesemua filem arahan beliau menggunakan stail yang sama. Setiap pengalaman dan juga pemerhatian pengarah terhadap isu-isu semasa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pada hari ini telah dikupas dan dikritik secara halus oleh pengarah. Hal sedemikian kerana, pengarah ingin masyarakat sentiasa sedar, peka dan sentiasa mengambil iktibar setiap apa yang berlaku terutamanya kepada masyarakat Melayu.

Selain itu, pengarah juga ingin masyarakat terutamanya masyarakat Melayu agar memperbaiki mentaliti supaya lebih kreatif dan berinovasi, yakni keluar daripada zon selesa.

Analisa mengenai aspek kritikan sosial dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) mendapati terdapat banyak kritikan sosial yang telah diselitkan dalam filem tersebut oleh pengarah. Kritikan sosial yang disampaikan oleh pengarah itu juga merangkumi isu sosial, ekonomi dan politik. Setelah analisis dilakukan, mendapati terdapat dua bahagian dalam isu sosial dalam aspek kritikan sosial iaitu stigma isu sosial dalam masyarakat Melayu dan stigma dalam kalangan warga asing. Stigma isu sosial dalam masyarakat Melayu seperti perspektif masyarakat Melayu terhadap pekerja warga asing, sikap pemalas dalam kalangan masyarakat, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang gemar berfantasi, amalan-amalan khurafat dalam masyarakat Melayu, sikap pembuli, penerimaan masyarakat terhadap pekerja warga asing dan kebanjiran warga asing di negara ini. Kritikan-kritikan tersebut merupakan sinikal pengarah terhadap masyarakat Melayu terutamanya, hal ini kerana terdapat sesetengah golongan masyarakat yang masih bersikap seperti sedemikian.

Stigma isu sosial dalam kalangan warga asing pula adalah seperti budaya berpimpinan tangan juga telah dijadikan salah satu kritikan sosial dalam filem tersebut. Memang tidak dinafikan bahawa sering kali dilihat bahawa budaya berpimpinan tangan ini adalah sudah menjadi kebiasaan bagi warga Bangladesh tersebut namun telah dipandang serong oleh masyarakat kita sehingga sanggup mengeluarkan kata-kata yang kurang elok terhadap mereka. Kritikan-kritikan tersebut adalah antara isu sosial yang sangat kritikal yang sedang berlaku dalam kehidupan kalangan masyarakat di negara ini.

Dari sudut aspek ekonomi pula, kajian membuktikan penglibatan masyarakat Melayu dan Cina dalam aktiviti perniagaan serta kedatangan warga asing dalam mencari sumber rezeki juga suatu isu yang dikritik oleh Mamat Khalid. Hal sedemikian kerana, pemerhatian pengarah terhadap isu-isu tersebut adalah pengarah ingin masyarakat berubah dan menjadi lebih berinovasi. Kaum Cina dilihat rajin dalam mencari sumber rezeki begitu juga dengan warga asing yang sanggup berhijrah ke negara lain semata-mata untuk menyara hidup dan keluarga, sebenarnya ingin dijadikan sebagai pengajaran oleh pengarah. Sikap rajin tersebut dibandingkan pula dengan masyarakat Melayu yang hanya berangan-angan namun tanpa usaha yang gigih juga telah dikritik oleh pengarah tersebut. Isu-isu yang timbul di negara ini serta pemerhatian pengarah ini telah dizahirkan melalui karya filem kerana pengarah ingin masyarakat menjadi sebuah masyarakat yang cakna dengan persekitaran mereka. Begitu juga dengan mengenai isu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) ini juga tidak terlepas daripada pandangan pengarah tersebut dalam menzahirkan sinikal beliau melalui karya filemnya dari sudut politik.

Aspek-aspek nilai yang terdapat dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) turut didapati dan mengesahkan bahawa aspek nilai yang ingin disampaikan pengarah turut merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Nilai aspek sosial adalah yang paling dominan dalam penyampaian aspek nilai dalam filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Nilai aspek sosial yang telah pengkaji kenal pasti adalah nilai kerja keras dan rajin mencari sumber rezeki, sikap rendah diri dan berpijak di bumi yang nyata, nilai hormat, sikap majikan terhadap pekerja, nilai kejujuran, tidak mudah putus asa, sikap menghargai jasa baik orang lain dan nilai sentiasa bersangka baik adalah antara nilai aspek sosial. Nilai aspek sosial adalah nilai yang dilihat banyak diselitkan oleh pengarah Mamat Khalid menerusi filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015). Kehidupan masyarakat yang berbilang kaum, bangsa dan juga agama adalah menuntut rakyat Malaysia untuk mengamalkan nilai-nilai tersebut agar kestabilan politik dan juga ekonomi tidak terganggu malah hidup dalam suasana yang harmoni.

Filem *Werewolf Dari Bangladesh* (2015) arahan Mamat Khalid adalah filem yang begitu sarat dengan kritikan sosial atau sinikal pengarah yang ingin disampaikan kepada

penonton dan juga masyarakat, walaupun cara penyampaiannya adalah dalam bentuk komedi dan bersahaja. Tambahan lagi, pengaplikasian pendekatan sosiologi dalam melaksanakan kertas kerja ini adalah sangat membantu dalam usaha menganalisa dan mengupas setiap perincian yang ingin disampaikan oleh pengarah itu sendiri. Di samping itu, dengan berlandaskan pendekatan tersebut, dapat disimpulkan bahawa isu-isu atau permasalahan sosial yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat di negara ini masih dijadikan sebagai kritikan sosial oleh pengarah dan sinikal tersebut adalah ditujukan kepada segelintir masyarakat Melayu dan warga asing di negara ini. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan sosiologi maka pelbagai kritikan sosial dari sudut sosial, ekonomi dan politik telah didapati sebagai dapatan analisis. Begitu juga dengan nilai-nilai dari segi aspek sosial, ekonomi, politik dan budaya telah didapati sebagai analisis perbincangan melalui kajian terhadap filem tersebut.

## **6. Penutup**

Isu-isu sosial yang negatif semakin meningkat dalam kalangan golongan anak muda terutamanya seperti gejala merokok, ponteng kelas, lari dari rumah, penagihan dadah dan sebagainya. Isu-isu sosial ini juga tidak terlepas daripada membelenggu golongan anak-anak muda terutamanya. Generasi muda adalah generasi yang sangat penting dan berharga untuk pembangunan negara yang semakin pesat membangun. Oleh itu, aspek-aspek nilai yang terdapat dalam filem tersebut adalah nilai yang patut dicontohi oleh golongan anak muda agar dapat melahirkan generasi muda yang berkaliber, berinovasi dan kreatif. Tambahan pula, filem-filem Mamat Khalid adalah filem yang universal. Setiap golongan lapisan masyarakat adalah sesuai menonton filem-filem arahan beliau maka kritikan dan juga nilai-nilai yang digarapkan dalam filem beliau dapat disampaikan secara langsung kepada penonton.

## **Rujukan**

- Adi, P. (1993). *Filem dan Masyarakat*. Jakarta: Yayasan Citra.
- Asiah, S., Faridah, I., & Mazni B. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS.
- Duncan, M. (1982). *Sosiologi Pengkajian Sistem Sosial*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamzah Hamdani. (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan. A. M. (2012). *Yang Tersurat dan Tersirat di Dalam Filem-filem arahan Mamat Khalid*. Academia.com.
- Mana, S. (1998). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Naim, H., A. (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Zakir, S., M. (2010). *Filem dan Pemikiran: Kumpulan Esei Kritikan Filem*. Kuala Lumpur: Nusabuku Enterprise.

- Shaiful Bahri, M., R. (2016). Sains Sosial dan Kemanusiaan: Penyelidikan Kualitatif. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn. Bhd.
- Umar Junus. (1979). Sosiologi Sastera: Persoalan Tema dan Metod. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Fatihah Md Adnan & Normaliza, A., R. (2014). Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu *Zombi Kampung Pisang*. *Journal of Business and Social Development* 2(2): 62-73.
- Ishamul, B., S. (2015). Masyarakat Murut Dalam Mariga: Analisis Sosiologi. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laila, A., K. (2009). Dampak Filem-filem Melayu Dalam Kalangan Remaja Melayu Masa Kini: Kajian Mengenai Filem-filem Ahmad Idham Dan A. Razak Mohaideen. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor, F., A. (2006). Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia: Peranan Dan Sumbangan Dalam Industri Perfileman Negara. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Putri, L., S., B. (1995). Kritikan Masyarakat Dan Mesej Dalam Filem-filem Arahan P. Ramlee Di Studio Jalan Ampas, Singapura. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Razali Kasim. (1991). Kritikan Sosial, Politik Dan Ekonomi Dalam Karya-karya Kartunis Lat. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayaidatina Ab. Majid. (2004). Trilogi Busa: Analisis Sosiologi. Latihan Ilmiah, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sim, C., M. (1995). Pengarang, Karya Dan Realiti Masyarakat: Satu Analisis Terhadap Cerpen-cerpen Siow Siew Sing. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suraidah Othman. (2010). Kritikan sosial dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasuruddin. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Yuslaihah Yunus. (2000). Kumpulan Cerpen Hati Muda Bulan Muda (1954-1992) Karya A. Samad Said: Analisis Sosiologi. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.